



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 6 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	RM 260.65J DANA JAMINAN MAKANAN SUDAH DIBELANJAKAN, NASIONAL-BH-15 PESAWAH AKUI LEBIH SISTEMATIK, NASIONAL,BH-7 AGRICULTURAL EXPORTS UP BY RM3.5 BIL UNDER 11 MP, THE EDGE MARKET- ONLINE AGRICULTURAL EXPORTS UP BY RM3.5 BIL UNDER 11 MP, BERNAMA-ONLINE EKSPORT SEKTOR PERTANIAN MENINGKAT RM3.5 BILLION SEPANJANG RMK12, SABAH BARU NEWS-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	PENDEKATAN TELITI KENAIKAN HARGA AYAM, KOMENTAR,BH-11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8. 9.	FERNs WORTH RM4,500 SEIZED AT BUKIT KAYU HITAM ICQ, NEWS IN BRIEF, NST-11 MAQIS RAMPAS POKOK TANDUK RUSA THAILAND, NEGERI SEMBILAN.KEDAH-SH-27 MAQIS RAMPAS 90 POKOK TANDUK RUSA, NEGARA,KOSMO-14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)*
10.	KEBUN KOMUNITI BANTU JANA EKONOMI, KOMUNITI KITA, UM-33	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11.	19 LEMBU MATI DIPANAH PETIR, PENTERNAK RUGI RM100,000 KETIKA HUJAN LEBAT, LOKAL,HM-12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	RM260.65j Dana Jaminan Makanan sudah dibelanjakan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	15	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	165 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,485
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,454



RM260.65j Dana Jaminan Makanan sudah dibelanjakan

Kuala Lumpur: Peruntukan bernilai RM260.65 juta daripada hampir RM488 juta di bawah pakej Inisiatif Dana Jaminan Makanan (DJM) sudah dibelanjakan, tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata baki peruntukan dijangka selesai dibelanjakan menjelang akhir tahun ini.

Selain itu, katanya, sebanyak RM378.18 juta daripada RM417.3 juta di bawah peruntukan sama sudah dibelanjakan tahun lalu.

"Pelaksanaan DJM adalah pelengkap kepada pelbagai subsidi, insentif dan bantuan disediakan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada golongan sasaran iaitu pesawah, petani, penternak, nelayan serta pengusaha pertanian yang terjejas akibat COVID-19.

"Bagi pelaksanaan tahun lalu, 198,000 individu atau persatuan menerima bantuan di bawah Pakej PRIHATIN 2020, manakala 32,000 individu atau persatuan menerima pakej bantuan secara langsung di bawah Pakej PENJANA 2020.

"Penerima manfaat ini dijangka akan meningkat selepas pelaksanaan inisiatif DJM ini selesai sepenuhnya," katanya, menjawab soalan Datuk Amiruddin Hamzah (PEJUANG-Kubang Pasu) mengenai dana DJM dibelanjakan dan sektor mendapat manfaat, pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Ronald berkata, pelaksanaan DJM merangkumi empat fasa yang disesuaikan dengan pelaksanaan pelan pemulihan negara, membabitkan dana keseluruhan bernilai RM905.3 juta.


Ia membabitkan Pakej Rancangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (PRIHATIN 2020) bernilai RM190 juta; Pakej Pelan Jana Semula Ekonomi Negara 2020 (PENJANA 2020) bernilai RM227.32 juta; PENJANA 2021 (RM150 juta) dan DJM 2021 (RM338 juta).

Penerima manfaat ini dijangka akan meningkat selepas pelaksanaan inisiatif DJM ini selesai sepenuhnya

Ronald Kiandee,
Menteri Pertanian
dan Industri
Makanan



Headline	Pesawah akui lebih sistematik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	704 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,925
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,775



Pesawah akui lebih sistematik

Smart SBB Bernas bantu selaras sistem pengurusan secara terancang

Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama Padiberas Nasional Berhad (Bernas) di Kampung Sungai Batu Pahat, Perlis, berpotensi meningkatkan hasil dan mutu padi keluaran tempatan sekali gus memberi manfaat kepada lebih 30 pesawah di sini.

Seiring dengan matlamat MAFI untuk meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara sebanyak 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), program Smart SBB Bernas telah digerakkan sejak April lalu.

La melibatkan kawasan penanaman padi luar jelang seluas 49 hektar yang diusahakan dalam Musim 2/2020 dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI, antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan Bintong, Perlis dan Lembaga Pertubuhan Peladang Perlis.

Nordin Salleh, 65, yang berperanan sebagai penyelia program Smart SBB Bernas Sungai Batu Pahat berkata, inisiatif ini banyak memberi manfaat kepada peserta.

Menurutnya, ia bukan sahaja membantu dari segi aspek penyelarasan sistem pengurusan ladang secara berkelompok yang lebih efisien, malah turut membuka ruang ke arah pembangunan infrastruktur asas seperti sistem saliran air yang sering menjadi kekangan kepada pesawah khususnya di kawasan luar jelang seperti di Sungai Batu Pahat ini.

"Program ini turut membantu para pesawah mengusahakan sawah secara berpasukan dan lebih sistematik. Impaknya dapat dilihat apabila penggunaan input-



Nordin (tengah) bersama Zulkefli (kanan) dan Madzlan merupakan peserta Smart SBB Bernas di Sungai Batu Pahat, Perlis.

Pesawah yang menyertai program ini turut didedahkan kepada amalan-amalan pertanian terancang bagi membentuk disiplin kerja yang lebih berkesan dan produktif."

input pertanian seperti baja, racun dan sebagainya dapat dioptimumkan dan pembaziran dielakkan.

"Ia secara keseluruhannya turut mengurangkan kos operasi pengurusan ladang berbanding ketika mereka mengusahakan sawah secara individu," jelasnya.

Selain itu katanya, pesawah yang menyertai program ini turut didedahkan kepada amalan-amalan pertanian terancang bagi membentuk disiplin kerja yang lebih berkesan dan produktif.

Bernas turut membimbing mereka

menerusi penetapan Jadual Kerja Ladang yang lebih teratur yang mampu mengurangkan risiko kepada tanaman, mengelakkan pembaziran input pertanian dan menghasilkan padi yang lebih bermutu.

"Saya melihat program Smart SBB sebagai satu peluang kerjasama strategik yang menguntungkan pesawah, malah menjadikan mereka sebagai rakan kongsi utama dalam pembangunan sektor padi dan beras di negara ini," kata Nordin yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun mengusahakan sawah.

Salah seorang peserta program Smart SBB Bernas, Zulkefli Hussein, 53, pula menyifatkan program ini memberi jaminan pendapatan daripada penjualan hasil padi mereka.

"Penanaman padi sememangnya terdedah kepada pelbagai risiko luar jangka terutamanya cuaca yang tidak menentu. Bagaimanapun, Bernas menjamin untuk membeli hasil tuaian kami dalam sebarang situasi dan ini tentunya satu kelegaan buat kami.

"Kami hanya perlu beri tumpuan kepada penjagaan sawah dengan baik.

Kelebihan Smart SBB Bernas:

- Berpotensi tingkatan hasil dan mutu padi keluaran tempatan.
- Tanaman kurang risiko, elak pembaziran input pertanian, hasil padi lebih bermutu.
- Teknologi terkini dijadikan masa kerja lebih singkat, kurang guna tenaga.

Alhamdulillah, walaupun ini merupakan fasa pertama projek, kami sudah dapat melihat peningkatan dari segi hasil dan kualiti padi," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Madzlan Nadzar, 61, memberitahu Smart SBB turut memperkenalkan penggunaan teknologi terkini kepada peserta program.

Dia dan pesawah lain akui amat teruja dengan teknologi dron yang digunakan kerana sebelum ini mereka melakukan kerja-kerja membaja dan meracun secara manual yang memerlukan lebih banyak penggunaan masa dan tenaga.

Menurutnya, penggunaan teknologi dron memberi hasil semburan baja dan racun yang lebih sekata meliputi seluruh kawasan ladang dalam tempoh masa yang jauh lebih singkat dan tanpa menggunakan tenaga seperti dahulu.

"Kerja kami menjadi lebih mudah dan kami turut mempunyai masa terluang untuk melakukan kerja-kerja harian lain.

"Saya harap ramai lagi pesawah, terutamanya di kawasan Sungai Batu Pahat akan turut serta menyertai program Smart SBB ini kerana banyak manfaat akan diperolehi," ujarnya.

Sebagai salah sebuah syarikat peneraju Smart SBB, Bernas akan sentiasa memberi sokongan kepada pesawah melalui pelbagai platform perkongsian ilmu pengetahuan bagi membimbing mereka dalam selok-belok pengurusan ladang yang lebih baik.



Smart SBB Bernas di Sungai Batu Pahat, Perlis dengan keluasan tanah 49 hektar.



Dari kiri: Nordin, Zulkefli dan Madzlan menyertai pesawah untuk sama-sama menyertai program Smart SBB.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

Agricultural exports up by RM3.5 bil under 11MP



KUALA LUMPUR (Oct 5): The country's agricultural sector export showed a hike of 11.58% or RM3.5 billion under the 11th Malaysia Plan (11MP) when it recorded RM33.7 billion in exports in 2020, compared to RM30.2 billion in 2014.

Minister of Agriculture and Food Industries (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said that of the total agricultural exports, an estimated 70% were processed products.

Speaking at the winding up session of the 12MP at Dewan Rakyat on Tuesday, Ronald said tropical fruits were the highest commodities exported with a value of RM1.34 billion in 2020.

"Following the great response and high value in the markets abroad, MAFI encourages the export of fruits, especially fruits with the subsistence level exceeding 100% and of high quality whether raw, minimally processed or processed into products," he said.

Ronald said five local fruits with the highest export values last year were durian (RM74 million), watermelon (RM66 million), pineapple (RM52 million), banana (RM32 million) and papaya (RM30 million).

"A total 32,789 tonnes of preserved fruits worth RM829 million and 20,251 tonnes of fruit juices and vegetables worth RM90 million were exported in 2020," he said.

Meanwhile, Ronald said that 10,367 hectares of idle land nationwide had been developed from 2007 to 2020 involving 8,179 entrepreneurs with an allocation of RM111 million.

He said the idle land tracts were planted with various types of crops such as fruits, paddy and coconuts with an output of 250,000 tonnes worth RM214.5 million.

Under the 12MP, he said, MAFI had submitted 37 applications for developments of agricultural projects which could be used by farmers to develop agricultural lands including idle ones through the planting of various crops.

To a supplementary question from Datuk Seri Salahuddin Ayub (PH-Pulai) on the development of Operasi Naga, Ronald said enforcement operation for any violation of the Fisheries Act was an ongoing action by MAFI with other enforcement agencies.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

Agricultural exports up by RM3.5 billion under 11MP



KUALA LUMPUR, Oct 5 -- The country's agricultural sector export showed a hike of 11.58 per cent or RM3.5 billion under the 11th Malaysia Plan (11MP) when it recorded RM33.7 billion in exports in 2020 compared to RM30.2 billion in 2014.

Minister of Agriculture and Food Industries (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said that of the total agricultural exports, an estimated 70 per cent were processed products.

Speaking at the winding up session of the 12MP at Dewan Rakyat today, Ronald said tropical fruits were the highest commodities exported with a value of RM1.34 billion in 2020.

"Following the great response and high value in the markets abroad, MAFI encourages the export of fruits, especially fruits with the subsistence level exceeding 100 per cent and of high quality whether raw, minimally processed or processed into products," he said.

Ronald said five local fruits with the highest export values last year were durian (RM74 million), watermelon (RM66 million), pineapple (RM52 million), banana (RM32 million) and papaya (RM30 million).

"A total 32,789 tonnes of preserved fruits worth RM829 million and 20,251 tonnes of fruit juices and vegetables worth RM90 million were exported in 2020," he said.

Meanwhile, Ronald said that 10,367 hectares of idle land nationwide had been developed from 2007 to 2020 involving 8,179 entrepreneurs with an allocation of RM111 million.

He said the idle land tracts were planted with various types of crops such as fruits, paddy and coconuts with an output of 250,000 tonnes worth RM214.5 million.

Under the 12MP, he said, MAFI had submitted 37 applications for developments of agricultural projects which could be used by farmers to develop agricultural lands including idle ones through the planting of various crops.

To a supplementary question from Datuk Seri Salahuddin Ayub (PH-Pulai) on the development of Operasi Naga, Ronald said enforcement operation for any violation of the Fisheries Act was an ongoing action by MAFI with other enforcement agencies.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2021	SABAH BARU NEWS	ONLINE	

Eksport sektor pertanian meningkat RM3.5 bilion sepanjang RMK12



KUALA LUMPUR, 5 Okt — Jumlah eksport sektor pertanian negara menunjukkan lonjakan sebanyak 11.58 peratus atau RM3.5 bilion sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) apabila merekodkan RM33.7 bilion eskport pada 2020 berbanding RM30.2 bilion pada 2014.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Makanan (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata daripada jumlah keseluruhan eksport pertanian, dianggarkan 70 peratus adalah produk diproses dan selebihnya produk yang belum diproses.

Bercakap pada sesi penggulungan RMK12 di Dewan Rakyat hari ini, Ronald berkata buah-buahan tropika antara komoditi tertinggi dieskport dengan nilai RM1.34 bilion pada 2020.

“Berikutan sambutan yang hebat dan nilai tinggi di pasaran luar negara, MAFI menggalakkan eksport buah terutamanya buah-buahan yang tahap sara diri telah lebih 100 peratus dan berkualiti tinggi sama ada dalam bentuk mentah, diproses secara minimum atau diproses menjadi produk,” katanya.

Ronald berkata lima jenis buah tempatan yang mempunyai nilai eksport tertinggi tahun lepas ialah durian (RM74 juta), tembikai (RM66 juta) nanas (RM52 juta), pisang (RM32 juta) dan betik (RM30 juta).

“Sejumlah 32,789 metrik tan buah-buahan yang telah diawet bernilai RM829 juta dan 20,251 metrik tan jus buah-buahan dan sayur-sayuran yang bernilai RM90 juta telah dieksporth pada 2020,” katanya.

Berhubung tanah terbiar, Ronald berkata seluas 10,367 hektar tanah terbiar seluruh negara telah dibangunkan bagi tempoh 2007 hingga 2020 melibatkan 8,179 pengusaha dengan jumlah peruntukan sebanyak RM111 juta.

Tanah-tanah itu kata beliau dibangunkan dengan pelbagai tanaman seperti buah-buahan, padi, kelapa dengan jumlah pengeluaran 250,000 metrik tan dan nilai RM214.5 juta.

Di bawah RMK12 MAFI juga katanya telah mengemukakan 37 permohonan pembangunan projek pertanian yang boleh dimanfaatkan petani untuk membangunkan tanah-tanah pertanian termasuk tanah terbiar menerusi pelbagai jenis tanaman.

Dalam pada itu menjawab celahan Datuk Seri Salahuddin Ayub (PH-Pulai) berhubung perkembangan Operasi Naga, Ronald berkata operasi penguatkuasaan untuk apa jua pelanggaran terhadap akta perikanan merupakan tindakan berterusan yang dijalankan oleh MAFI bersama agensi penguat kuasa yang lain.

— WACANA

Pendekatan teliti tangani kenaikan harga ayam

Oleh Hazelinda Harun
bhrencana@bh.com.my



Isu kenaikan harga ayam seperti tidak ada jalan penyelesaiannya. Terbaru, perangkaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merekodkan harga runcit ayam proses standard melepasi paras RM9. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (MAMA) mengesahkan ia tertinggi dibandingkan tujuh tahun sebelum ini.

Impak kenaikan harga ayam sangat besar seperti peningkatan harga barang asas lain seperti minyak dan gula. Impak kenaikan ini pula berantai yang pada akhir rantaian itu, kesannya adalah kepada pengguna.

Sebelum melaksanakan langkah mencegah harga ayam daripada terus meningkat, tentulah punca kenaikan terlebih dahulu perlu dikenal pasti. Langkah pencegahan kenaikan harga tidaklah semudah difikirkan, sebabliknya mesti mengambil kira kebajikan kedua-dua penggerak ekonomi sama ada di sebelah permintaan mahupun penawaran dalam pasaran.

Di sebelah permintaan, sudah pasti faktor utama dikaitkan kenaikan harga disebabkan peralihan ke-
lompok permintaan di sebelah kanan (penawaran). Permintaan semula sektor ekonomi misalnya restoran untuk 'time in' dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi merencanakan semula ekonomi, pasti disusuli permintaan mendadak terhadap bekalan ayam.

Mekanisme permintaan dan penawaran tidak

sempat membuat pelarasan dalam jangka pendek, sekali gus mendorong pihak tidak bertanggungjawab sengaja memanipulasikan harga.

Sebenarnya, banyak lagi faktor menganjak keluk permintaan ke sebelah kanan dan mendorong kenaikan harga. Misalnya ayam memang selalu menjadi pilihan masyarakat memandang harganya relatif lebih murah dibandingkan daging lain, misalnya daging lembu dalam pasaran.

Daging ayam juga mudah dimasak dan gaya hidup ke arah lebih sihat juga mempengaruhi kecenderungan pengguna dengan alasan menjaga kesihatan dan selesa beralih daripada daging merah kepada daging ayam.

Jika punca kenaikan disebabkan pengeluaran atau peniaga memanipulasikan harga, pelaksanaan kawalan harga dengan menetapkan harga siling bagi ayam perlu dilaksanakan sepanjang masa. Ia lebih mudah berbanding sekadar menunggu musim



perayaan saja seperti Skim Harga Maksimum Muslim Perayaan.

Namun apa akan berlaku jika kenaikan itu sebenarnya juga membabitkan faktor sebelah penawaran. Pelaksanaan kawalan harga ini akan memulihkan di sebelah pengguna, tetapi menjadi beban di sebelah pengeluaran.

Di sebelah penawaran, menurut kenyataan dikeluarkan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), kenaikan harga ayam ini berpunca peningkatan kos operasi dan pengeluaran akibat wabak COVID-19 menjejaskan rantaian bekalan ayam.

Peningkatan kos dedak ayam diimport, harga ba-
ka ayam dan anak ayam, kos kesukaran mendapati-
patikan pekerja asing serta pengeluaran terpaksa me-
ngupah warga tempatan dengan upah lebih mahal,
semua ini mendorong kenaikan harga.

Pelaksanaan langkah kenaikan harga perlu disemak dengan teliti supaya kedua-dua pihak - pengguna mahupun pengeluaran - menang dalam percaturan ini. Perlu diteliti, pihak manakah menerima lebih in-
pak daripada kenaikan harga itu, selain adakah kos pengeluaran ayam ditanggung pengeluaran setara ke-
naikan harga runcit ditanggung pengguna.

Mungkin juga terdapat punca lain misalnya sistem maklumat harga belum cukup 'terkini' atau tindakan pemantauan belum menyeluruh.

Apapun, punca penyelesaian diguna pakai mes-
tiah seperti menarik rambut dalam tepung, rambut
jangan putus dan tepung pula jangan berselerak.
Penyelesaian perlu datang daripada setiap penju-
ra kerana meletakkan kesalahan pada satu pihak sa-
haja tidak akan menyelesaikan masalah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2021	NEW STRAITS TIMES	NEWS IN BRIEF	11

Ferns worth RM4,500 seized at Bukit Kayu Hitam ICQ

ALOR STAR: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) in Kedah has seized 90 Crown Stag Horn or Stag Horn Ferns worth RM4,500 from Thailand yesterday. A Kedah Maqis spokesman said the seizure was made at the Bukit Kayu Hitam Customs, Immigration, Quarantine and Security Complex (ICQS) at 4.27pm. "As a result of the operation carried out by Maqis enforcement officers, they managed to find the trees hidden under a pile of vegetables in a lorry. The merchandise involved is estimated to be worth RM4,500 and did not have a permit to be brought into the country." He said the failure to submit a valid import permit was an offence under Section 11 (1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011 (Act 728).

Maqis rampas pokok tanduk rusa Thailand

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah berjaya merampas 90 pokok tanduk rusa kerana tidak memiliki dokumen yang sah dari Thailand pada Isnin.

Jurucakap Maqis Kedah berkata, rampasan itu dibuat di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Kayu Hitam kira-kira jam 4.27 petang selepas menahan sebuah lori.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa Maqis berjaya menemui pokok-pokok berkenaan yang disembunyikan di bawah timbunan sayur-sayuran.

"Kesemua barang dagangan terbabit dianggarkan bernilai RM4,500 dan ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kegagalan untuk mengemukakan permit import yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

"Maqis memberi amaran tegas kepada mana-mana pengimport supaya sentiasa mematuhi syarat import yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

"Tindakan penguatkuasaan akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi memastikan produk pertanian yang masuk ke dalam negara mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan aspek biosekuriti negara terjamin," katanya.



Antara pokok tanduk rusa yang berjaya dirampas oleh Maqis di ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah pada Isnin.

Maqis rampas 90 pokok tanduk rusa

BUKIT KAYU HITAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) menggagalkan cubaan menyeludup 90 pokok tanduk rusa dari Thailand di Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini kelmarin.

Pegawai penguat kuasa Maqis menemui pokok tersebut disembunyikan di bawah timbunan sayur-sayuran selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah lori pada pukul 4.27 petang.

Maqis Kedah dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, hasil pemeriksaan mendapati kesemua pokok tersebut cuba dibawa masuk tanpa permit import Maqis.

"Kesemua barang dagangan yang dianggarkan bernilai RM4,500 itu dirampas untuk



Kesemua barang dagangan yang dianggarkan bernilai RM4,500 itu dirampas untuk tindakan lanjut."

tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, kegagalan untuk mengemukakan permit import yang sah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Kesalahan tersebut memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Seksyen 11(3) Akta sama," ujarnya.



SEBAHAGIAN pokok tanduk rusa yang dirampas Maqis di Kompleks ICQS di Bukit Kayu Hitam, kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	33

Kebun Komuniti bantu jana ekonomi

PROJEK Kebun Komuniti mampu menjana ekonomi penduduk setempat sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Nasional (PPN) di kawasan taman perumahan di bandar mahupun pinggir bandar.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu sehingga PPN diumumkan di seluruh negara, ramai yang menjadi penganggur disebabkan syarikat swasta berhenti beroperasi.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Adhif Syan Abdullah berkata, golongan yang hilang

kerja boleh menceburi bidang pertanian sebagai sumber pendapatan baharu.

Bellau kagum dengan kemampuan penduduk setempat yang tidak mempunyai latar belakang mewujudkan kawasan pertanian yang ditanam dengan pokok pisang, betik, tembikai, sayur-sayuran dan herba.

■ ADHIF Syan Abdullah (tiga dari kanan) memegang buah tembikai yang ditanam penduduk di Kebun Komuniti Bandar Seri Ehsan, Kuala Langat, Selangor.- UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS





LEMBU milik Mohd Sharulafizam mati bergelimpangan dipercayai dipanah petir.

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

Seorang penternak mendakwa kerugian hampir RM100,000 apabila 19 lembu peliharaannya mati akibat dipanah petir di ladang kelapa sawit Paloh 2 di sini, kelmarin.

Mohd Sharulafizam Johari, 31, berkata, kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 10 malam ketika hujan lebat disusuli petir kuat.

Menurutnya, dia menyedari kejadian apabila pergi ke ladang itu jam 7.30 pagi semalam sebelum mendapati sekumpulan lembunya mati bergelimpangan tidak jauh antara satu sama lain.

Katanya, dia menternak

19 lembu mati dipanah petir

Penternak rugi RM100,000 ketika hujan lebat

49 lembu yang dilepaskan di ladang sawit berkenaan.

"Ketika itu, saya mendapati 30 lembu lagi terselamat dan dipercayai semua 19 ekor lembu yang mati dipanah petir mungkin berkumpul di sebalik pokok kelapa sawit.

"Saya terkejut kerana kejadian seumpama itu kali pertama berlaku sejak menternak lembu kira-kira tujuh

tahun lalu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, kebiasaannya dia akan pergi ke ladang dalam tempoh dua jam pada waktu petang untuk memantau lembu itu bagi mengelakkannya keluar dari ladang.

"Memang sebelum saya balik rumah jam 7 malam semalam (kelmarin), semua 49 lembu berada dalam ke-

adaan baik walaupun berpecah dalam ladang sawit terbabit," katanya.

Katanya, dia membuat laporan di Balai Polis Paloh sebelum menanam lembu terbabit.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gua Musang Superintendan Sik Choon Foo ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan.